

# 16

## Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah: Satu Kajian Kes di Daerah Hilir Perak

*Baharuddin Jabar*

### Abstrak

Kajian ini bertujuan untuk melihat pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru Sejarah. Kemahiran pemikiran sejarah yang dikaji ini dibahagikan kepada lima kategori utama, iaitu memahami kronologi, membuat imaginasi, meneroka bukti, membuat interpretasi dan membuat rasionalisasi. Kajian ini juga bertujuan melihat sama ada terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru Sejarah dengan lokasi sekolah yang dilihat dari sudut sekolah yang terletak di bandar dan luar bandar. Kajian ini menggunakan kaedah survey dan data untuk kajian ini dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik. Sampel kajian ini terdiri daripada 300 orang pelajar tingkatan empat daripada enam buah sekolah menengah di daerah Hilir Perak, Perak. Data dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for Social Science (SPSS) versi 10.0. Dapatkan kajian menunjukkan, guru melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah bagi setiap item dalam setiap kategori kemahiran pemikiran sejarah. Walau bagaimanapun, tahap pelaksanaannya itu berbeza mengikut item kerana terdapat item yang berada pada skor min tahap tinggi (2.67 - 4.00) dan juga terdapat item yang berada pada skor min tahap sederhana (1.34 - 2.66). Tidak ada item yang diuji berada pada skor min tahap rendah (0 - 1.33). Dari segi kategori kemahiran pemikiran sejarah yang paling kerap dijalankan, kajian mendapat kategori meneroka bukti selalu dijalankan (67.4%) berbanding kategori membuat imaginasi (18.6%). Akhir sekali, kajian mendapat tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah sama ada sekolah di bandar atau sekolah di luar bandar dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti dalam pengajaran guru-guru Sejarah bagi tujuh daripada lapan item dalam kategori ini.

Meningkatkan kemahiran berfikir merupakan satu matlamat penting dalam pendidikan. Sekolah dan institusi pendidikan yang lain merupakan tempat untuk kemahiran berfikir dikembangkan. Justeru itu, sekolah bertanggungjawab menyediakan dan melahirkan pelajar yang dapat berfikir bagi memenuhi matlamat dan aspirasi negara.

Kemahiran berfikir sangat penting kerana dapat membantu mempertingkatkan penguasaan pelajar terhadap isi pelajaran dengan lebih mendalam dan aspek lain yang berkaitan dengan pembelajaran. Penekanan terhadap peranan sekolah dalam mengembangkan kemahiran berfikir di kalangan pelajar sememangnya diberi perhatian sejak beberapa tahun kebelakangan ini (Link, 1985). Ini amat bersesuaian dengan pandangan yang menyatakan pendidikan bukan lagi hanya untuk mengajarkan apa yang sepatutnya diketahui oleh pelajar tetapi bagaimana untuk mereka mengetahuinya (Eggen & Kauchak, 1988).

Kemahiran berfikir merupakan satu isu yang menarik minat para pendidik. Ini kerana, perkembangan yang berlaku kini sememangnya memerlukan pengajaran yang bermatlamatkan untuk meningkatkan kemahiran berfikir. Tambahan pula, keadaan masyarakat yang berorientasikan maklumat, maklumat yang begitu banyak, ilmu pengetahuan yang semakin berkembang, persaingan yang hebat dalam kehidupan serta keperluan menghasilkan tenaga manusia yang berkualiti untuk menangani segala cabaran, memerlukan seseorang yang mampu dan berkebolehan untuk menyelesaikan masalah serta membuat keputusan yang tepat.

Ini bererti, guru perlu membangunkan potensi intelektual pelajar dengan menekankan kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran. Penekanan dan tumpuan kepada penguasaan fakta sahaja tidak memadai tanpa melibatkan pendekatan kemahiran berfikir. Pelajar perlu dilatih supaya mampu menilai dari pelbagai sudut pandangan bagi menjadikan pembelajaran lebih bermakna dan memberi kesan yang mendalam dalam kehidupan mereka.

Mata pelajaran Sejarah dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) memperlihatkan kesepaduan unsur-unsur pengetahuan, peningkatan daya intelek, pemupukan nilai-nilai murni dan perkembangan kemahiran belajar. Dalam usaha untuk melahirkan generasi yang dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara, pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan sejarah perlu menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir dan kemahiran pemikiran sejarah di kalangan murid di samping nilai-nilai murni dan semangat patriotik (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Mata pelajaran Sejarah merupakan satu mata pelajaran yang dapat merangsang pemikiran. Mata pelajaran ini membolehkan murid-murid melihat secara empati dan menganalisis bagaimana manusia menggunakan masa, ruang, perubahan dan kesinambungan. Pemahaman sejarah pula dalam konteks pengajaran dan pembelajaran bermaksud pemahaman secara kritis dan imaginatif

tentang segala aspek kehidupan manusia silam dan kini. Pemahaman ini boleh dikuasai oleh pelajar jika kesemua aspek dikaji dan pelbagai faktor dianalisis serta dilihat secara keseluruhan.

Kemahiran pemikiran sejarah pula adalah merupakan satu bentuk proses kognitif yang memerlukan murid-murid meneroka idea yang kompleks dan abstrak dengan bimbingan guru. Justeru, murid-murid dapat memahami secara kritis dan imaginatif tentang segala aspek kehidupan manusia silam sehingga ke hari ini (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Dalam hal ini, kemahiran pemikiran sejarah adalah lebih spesifik kepada disiplin ilmu sejarah itu sendiri. Ini kerana kemahiran tersebut perlu dipupuk di kalangan murid bagi membolehkan mereka memahami bagaimana sejarawan merekonstruksi peristiwa lalu dengan menggunakan sumber yang menjadi bukti untuk menentukan signifikan sesuatu tarikh, tokoh, peristiwa, lokasi dan aktiviti manusia masa lalu. Murid-murid diajar memahami ciri-ciri sejarah supaya mereka dapat meningkatkan pemikiran mereka dengan lebih kritis dan analitis. Terdapat beberapa kemahiran yang perlu dipupuk dan diperkembangkan dalam kalangan murid-murid seperti kemahiran memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi.

### **Penyataan Masalah**

Telah dinyatakan dalam kurikulum mata pelajaran Sejarah KBSM bahawa, pendekatan pengajaran dan pembelajaran pendidikan sejarah perlu menjurus kepada pemupukan kemahiran berfikir dan kemahiran pemikiran sejarah di kalangan murid. Meningkatkan kemahiran berfikir dinyatakan dalam sebahagian daripada objektif pendidikan Sejarah, iaitu untuk membolehkan pelajar menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional dan meningkatkan daya pemikiran dan kematangan yang berasaskan iktibar daripada pengalaman Sejarah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003).

Dalam organisasi kurikulum pendidikan sejarah juga telah dinyatakan bahawa, kemahiran pemikiran sejarah merupakan unsur kemahiran yang ingin dipupuk di kalangan pelajar dan kemahiran ini terkandung dalam struktur disiplin pendidikan sejarah di samping dua unsur yang lain, iaitu ilmu (kandungan) dan penerapan nilai (patriotisme). Kesemua unsur ini berjalan serentak dalam pengajaran dan pembelajaran dan secara berterusan.

Pengajaran kemahiran berfikir telah diperkenalkan dalam semua mata pelajaran sekolah di Malaysia. Namun begitu, dari segi pelaksanaannya, khasnya bagi mata pelajaran Sejarah, masih kurang diamalkan. Guru misalnya masih tidak begitu menekankan aspek membimbing pelajar untuk menguasai beberapa kemahiran yang sememangnya terdapat dalam kemahiran pemikiran sejarah seperti mengumpul data, meneroka bukti, membuat tafsiran, membuat imaginasi, menganalisis, merumus dan membuat penilaian.

Beberapa andaian dibuat tentang sebab-sebab pengajaran kemahiran berfikir tidak dipraktikkan. Antaranya ialah, bahawa pelajar perlu menguasai fakta sebelum diajar dengan kemahiran berfikir dan penekanan peperiksaan yang mementingkan pengujian kebolehan pelajar mengingat kembali fakta (Phillips, 1992). Pendekatan soalan dalam peperiksaan juga turut berubah. Lebih banyak soalan yang berbentuk kemahiran berfikir telah dan akan dikemukakan dalam semua peperiksaan awam di sekolah. Penekanan terhadap kemahiran berfikir dalam proses pengajaran dan pembelajaran tidak lagi boleh diabaikan kerana kurangnya penekanan terhadap kemahiran berfikir ini memberi kesan pada pencapaian pelajar dalam peperiksaan.

Kemahiran pemikiran sejarah dalam edisi sukatan pelajaran sejarah yang disemak semula jelas menunjukkan ia merupakan aspek kemahiran yang perlu dipupuk di kalangan pelajar. Oleh yang demikian, pengkaji berpendapat perlu dijalankan satu kajian berkaitan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah di sekolah untuk melihat sejauh manakah kemahiran ini diberi penekanan dalam proses pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran sejarah di dalam bilik darjah, di samping dapat menarik minat pelajar terhadap mata pelajaran ini dan seterusnya dapat meningkatkan pencapaian akademik pelajar dalam mata pelajaran berkenaan. Kajian seperti ini juga amat bersesuaian dalam konteks keperluan Malaysia untuk melahirkan generasi yang mampu berfikir dan seterusnya dapat memenuhi matlamat dan aspirasi negara bagi membolehkan mereka bersedia menghadapi segala cabaran dalam usaha mencapai matlamat Wawasan 2020.

## Objektif Kajian

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauh manakah kemahiran pemikiran sejarah dilaksanakan oleh guru-guru sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran sejarah di dalam bilik darjah. Kajian adalah berdasarkan pada perspektif pelajar terhadap penekanan yang diberikan oleh guru untuk menanam dan memupuk kemahiran pemikiran sejarah di kalangan pelajar. Di samping itu, kajian juga akan mengenal pasti adakah terdapat hubungan antara pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah mengikut lokasi sekolah, iaitu sekolah bandar dan sekolah luar bandar.

## Kajian Lampau

Ramai ahli akademik berpendapat bahawa kemahiran berfikir boleh diajar. Nikerson et al. (1985) misalnya menganggap bahawa kemahiran berfikir boleh diajar kerana ia merupakan satu kemahiran, sama seperti kemahiran-kemahiran lain. Satu siri kajian tentang kemahiran berfikir telah dijalankan oleh Hudgins dan Edelman (1988). Dengan menggunakan kaedah eksperimen, Hudgins dan

Edelman (1988) cuba membuktikan sama ada kebolehan berfikir secara kritis dapat ditingkatkan melalui pengajaran guru ketika mengendalikan perbincangan kumpulan kecil. Sepuluh orang guru telah dipilih dan diberi latihan untuk mengendalikan kumpulan perbincangan. Guru telah diarah untuk mengurangkan amalan memberi maklumat dan cuba menggalakkan pelajar memberi bukti untuk menyokong kesimpulan mereka. Dapatan kajian menunjukkan kumpulan eksperimen lebih aktif dalam perbincangan.

Selain itu, Hugo (1989) telah menjalankan kajian di Amerika Syarikat melibatkan sampel empat orang guru dengan 300 orang pelajar sekolah di sebuah bandar metropolitan. Hugo telah menggunakan satu program yang dikenali ‘sebagai’ “Dialogue with Thinking Skills” dan eksperimen yang dijalankan adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif, iaitu mengumpul data daripada pemerhatian, temu bual dan rakaman audio tingkah laku pelajar. Dapatan kajian telah membuktikan terdapatnya peningkatan dalam pencapaian akademik pelajar.

Maxim (1995) menyatakan bahawa, meningkatkan pemikiran kritis kerap dijelaskan sebagai objektif akhir dalam pendidikan Sains Sosial. Pendidikan Sejarah sebagai satu daripada mata pelajaran dalam bidang Sains Sosial tidak terkecuali daripada kenyataan ini. Melalui pendidikan Sejarah, pelajar diharapkan boleh menganalisis, merumus dan menilai fakta-fakta sejarah negara secara rasional dan kritis (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988). Kemahiran berfikir secara kritis dalam pendidikan Sejarah dapat dikembangkan melalui aktiviti pembelajaran seperti memahami konsep-konsep sejarah, mentafsir, mengesahkan fakta-fakta sejarah dan mencari bukti-bukti sejarah.

Sesungguhnya, memang terdapat banyak kajian tentang sejarah sebagai satu disiplin secara umum. Namun begitu, kajian yang menjurus kepada keperluan kognitif dalam pembelajaran sejarah di kalangan pelajar adalah sangat sedikit (Zaccaria, 1978). Begitu juga penjelasan tentang bagaimana untuk mengajar pemikiran sejarah dan pemahaman sejarah adalah sangat kurang. Zaccaria (1978) telah menjalankan satu kajian yang melihat kepentingan proses psikologi dalam pemikiran sejarah. Kajian ini dapat membantu guru-guru sejarah menyediakan pelajar bagi mencapai pemikiran sejarah mengikut tahap perkembangan kognitif mereka.

Booth (1980) pula telah membuat satu kajian berdasarkan sifat semula jadi sejarah. Dalam kajiannya itu, Booth melihat sukan pelajaran Sejarah Dunia Modern dan cuba melihat pengoperasian dan pemikiran sejarah di kalangan 53 orang pelajar pelbagai kebolehan yang berumur antara 14 hingga 16 tahun. Kajian dijalankan secara longitudinal selama 17 bulan dan memfokus kepada kemahiran kognitif, konsep dan sikap. Booth telah menjalankan kajiannya secara eksperimen kepada kumpulan kawalan dan kumpulan sejarah. Didapati bahawa dalam masa 17 bulan kumpulan sejarah telah menunjukkan peningkatan yang signifikan dalam penguasaan kemahiran, pemahaman konsep dan sikap. Kajian juga menunjukkan bahawa dalam masa 17 bulan, pelajar-pelajar telah dapat berfikir

N IDRI secara imaginatif dan inferentif sekiranya pemikiran mereka dirangsangkan dengan pelbagai kaedah inkuiri, perbincangan dan penggunaan pelbagai sumber.

Seterusnya Shemilt (1980) telah menjalankan kajian penilaian terhadap kurikulum kebangsaan di United Kingdom dalam “School Council Project History 13 - 16”. Apa yang ditekankan dalam projek ini ialah sifat semulajadi sejarah, penggunaan bahan sumber dan penglibatan aktif pelajar mempunyai kesan kepada konsep sejarah di kalangan remaja. Dalam kajiannya itu, Shemilt membuat perbandingan pencapaian antara 500 orang pelajar yang mengikuti projek ini dengan 500 orang pelajar lain yang tidak mengikuti projek ini. Dapatkan kajian Shemilt (1980) menunjukkan bahawa pelajar yang mengikuti projek ini dapat menguasai konsep-konsep penting dalam sejarah dengan lebih baik. Oleh itu Shemilt begitu yakin tentang kemampuan pelajar melibatkan diri dalam pemikiran sejarah.

Terdapat juga kajian tentang pemikiran sejarah dalam kalangan guru-guru yang mengajar mata pelajaran ini dan bagaimana mereka dapat menyampaikannya melalui pengajaran yang berkesan (Leinhardt, Beck & Stainton, 1994; Downey & Levstik, 1991). Walau bagaimanapun, tidaklah semestinya guru-guru yang banyak mempunyai fakta sejarah akan mengajar dengan lebih baik kerana pemahaman dan pemikiran sejarah adalah sama pentingnya dengan pengetahuan tentang fakta. Menurut Downey dan Levstik (1991), dengan pemahaman dan pemikiran sejarah, guru boleh membuat interpretasi, mencari sebab musabab dan mengkaji sesuatu peristiwa dalam konteks yang lebih luas.

Kajian seterusnya ialah tentang keupayaan pelajar menaakul bukti yang berbentuk dokumentari yang dijalankan oleh Rouet, Britt, Mason dan Perfetti (1996). Apa yang ingin dilihat dalam kajian ini ialah bagaimana pelajar mengkoordinasikan apa yang dipelajari oleh mereka daripada pelbagai dokumen sejarah dan menggunakan untuk membuat penaakulan dan menyelesaikan masalah sejarah. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa perlunya pelajar didekah dengan pelbagai jenis dokumen khususnya sumber pertama kerana ini akan mengubah cara pelajar mempersemprehban dan membuat penaakulan bahan-bahan dokumen dalam membuat penyelesaian masalah sejarah.

## Soalan Kajian

Secara khusus, kajian ini adalah untuk menjawab soalan-soalan berikut:

1. Sejauh manakah kemahiran pemikiran sejarah dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah?
2. Kategori kemahiran pemikiran sejarah yang manakah yang selalu dilaksanakan oleh guru-guru sejarah dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah?

3. Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti dalam pengajaran guru-guru sejarah mengikut lokasi sekolah?

### **Batasan Kajian**

Bidang kajian hanya terbatas kepada kemahiran pemikiran sejarah yang terdiri daripada lima kategori kemahiran utama, iaitu memahami kronologi, meneroka bukti, membuat interpretasi, membuat imaginasi dan membuat rasionalisasi. Selain itu terdapat pula beberapa subkemahiran bagi setiap kemahiran utama tersebut. Sampel kajian pula terdiri daripada pelajar tingkatan empat di sekolah-sekolah menengah di Daerah Hilir Perak, Perak.

### **Reka Bentuk Kajian**

Kajian ini dijalankan secara survey dan pengumpulan maklumat daripada sampel kajian dilakukan dengan menggunakan soal selidik. Kajian ini memberi tumpuan kepada pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah oleh guru-guru sejarah dalam proses pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah mengikut perspektif pelajar. Kemahiran pemikiran sejarah ini dibahagikan kepada lima kategori, iaitu memahami kronologi, membuat imaginasi, meneroka bukti, membuat interpretasi dan membuat rasionalisasi. Pengkaji menggunakan variabel lain sebagai variabel bebas untuk melihat hubungannya dengan variabel bergantung yang telah ditetapkan, iaitu kemahiran pemikiran sejarah. Variabel bebas yang telah dipilih ialah lokasi sekolah, iaitu bandar dan luar bandar. Variabel bebas ini iaitu, lokasi sekolah akan dilihat hubungannya dengan variabel bergantung, iaitu kemahiran pemikiran sejarah.

### **Populasi Kajian**

Kajian ini melibatkan pelajar-pelajar tingkatan empat daripada enam buah sekolah di Daerah Hilir Perak, Perak. Sampel kajian pula terdiri daripada 300 orang pelajar daripada keenam-enam buah sekolah berkenaan. Pemilihan sampel kajian pula dibuat secara rawak.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen kajian ini terdiri daripada satu set soal selidik. Penggunaan soal selidik ini membolehkan pengkaji melihat hubungan antara dua variabel yang berbeza. Menurut Babbie (1975), penggunaan soal selidik merupakan satu cara mendapatkan maklumat di kalangan populasi yang besar. Mohd. Majid Konting (1990) pula menyatakan bahawa soal selidik lebih praktikal dan berkesan

digunakan untuk populasi yang besar. Soal selidik dalam kajian ini mengandungi item-item berkaitan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah yang dibahagikan kepada lima kategori, iaitu kategori memahami kronologi, membuat imaginasi, meneroka bukti, membuat interpretasi dan membuat rasionalisasi. Item-item ini menggunakan skala Likert 1 hingga 5.

## Pengumpulan Data

Data-data telah diperoleh dengan menggunakan borang soal selidik yang ditadbirkan sendiri oleh pengkaji dengan bantuan guru-guru mata pelajaran Sejarah di setiap sekolah yang terlibat. Penerangan tentang cara memberi maklum balas terhadap item-item dalam soal selidik itu juga diberikan kepada semua yang terlibat.

## Penganalisisan Data

Data-data yang diperoleh daripada soal selidik dianalisis menggunakan perisian ‘The Statistical Package for Social Science (SPSS)’ Versi 10.0. Kaedah ‘cross tabulation’ dan ‘nilai Chi-square Likelihood Ratio’ pula digunakan untuk menganalisis hubungan antara variabel dengan aras signifikan pada  $p < 0.05$  dan korelasi Somers’ d digunakan pada aras  $p < 0.05$ . Data asal telah dikodkan semula menggunakan Program SPSS Versi 10.0 supaya nilai yang dibentangkan tidak terlalu kecil untuk dibincangkan.

Skala Likert tersebut telah dikodkan kembali menggunakan skor min seperti di bawah:

Tahap	Min
Rendah	0.01 hingga 1.33
Sederhana	1.34 hingga 2.66
Tinggi	2.67 hingga 4.00

Jadi, analisis secara inferensi seterusnya adalah berdasarkan skor min tersebut yang akan dilakukan dalam bahagian dapatan kajian. Skor min digunakan untuk menjawab soalan kajian 1.

## Dapatan Kajian

### Soalan Kajian 1:

**Sejauh manakah kemahiran pemikiran sejarah dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah?**

Tahap pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori memahami kronologi dalam pengajaran guru-guru sejarah dapat diukur dengan menggunakan skor min seperti dalam Jadual 1 di bawah.

Jadual 1 menunjukkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah bagi kategori memahami kronologi berdasarkan kekuatan min. Item-item i, vi, ii dan iii berada pada tahap tinggi dan item-item v dan iv berada pada tahap sederhana. Tiada item yang berada pada skor min tahap rendah. Daripada keseluruhan item tersebut menunjukkan item peristiwa-peristiwa sejarah yang disampaikan oleh guru adalah mengikut urutan sesuatu peristiwa itu berlaku mempunyai skor min yang paling tinggi (3.46) dan item guru melabelkan sesuatu peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya, contoh, Zaman Darurat mempunyai skor min yang paling rendah (2.46).

**Jadual 1:** Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah Kategori Memahami Kronologi Berdasarkan Kekuatan Min

Item	Skor Min	Tahap
i. Peristiwa-peristiwa sejarah yang disampaikan oleh guru adalah mengikut urutan sesuatu peristiwa itu berlaku.	3.46	Tinggi
vi. Guru menggunakan istilah-istilah seperti awal, pertengahan dan akhir untuk merujuk sesuatu tempoh masa, contoh, awal abad ke-20.	3.32	Tinggi
ii. Guru menyatakan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu.	3.26	Tinggi
iii. Guru menyatakan tempoh masa berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu.	3.13	Tinggi
v. Guru menyebut sesuatu tarikh dan meminta pelajar menyatakan peristiwa yang berlaku pada tarikh berkenaan.	2.50	Sederhana
iv. Guru melabelkan sesuatu peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya, contoh, Zaman Darurat.	2.46	Sederhana

Dapatan kajian menunjukkan bagi kategori memahami kronologi, pengajaran guru-guru sejarah telah melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan skor min yang berada pada tahap tinggi dan sederhana.

Tahap pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat imaginasi dalam pengajaran guru-guru sejarah dapat diukur dengan menggunakan skor min seperti dalam Jadual 2 di bawah.

Jadual 2 menunjukkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah bagi kategori membuat imaginasi berdasarkan kekuatan min. Item-item iii, ii, i dan iv berada pada tahap sederhana. Tiada item yang berada pada skor min tahap tinggi dan tahap rendah. Daripada keseluruhan item tersebut menunjukkan item guru meminta pelajar membuat penilaian terhadap sesuatu peristiwa sejarah mempunyai skor min yang paling tinggi (2.61)

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS dan item guru meminta beberapa orang pelajar memainkan peranan watak-watak tertentu dalam sejarah mempunyai skor min yang paling rendah (1.46).

Dapatkan kajian menunjukkan bagi kategori membuat imaginasi, pengajaran guru-guru sejarah telah melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan skor min yang kesemuanya berada pada tahap sederhana.

**Jadual 2:** Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah Kategori Membuat Imaginasi Berdasarkan Kekuatan Min

Item	Skor Min	Tahap
iii. Guru meminta pelajar membuat penilaian terhadap sesuatu peristiwa sejarah.	2.61	Sederhana
ii. Guru menggunakan gambar-gambar peristiwa sejarah bagi membantu pelajar lebih memahami sesuatu topik yang dipelajari.	2.32	Sederhana
i. Guru meminta pelajar menyatakan perasaan mereka terhadap sesuatu peristiwa sejarah, contoh, peristiwa pembunuhan Tok Janggut.	1.96	Sederhana
iv. Guru meminta beberapa orang pelajar memainkan peranan watak-watak tertentu dalam sejarah.	1.46	Sederhana

Tahap pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti dalam pengajaran guru-guru sejarah dapat diukur dengan menggunakan skor min seperti dalam Jadual 3 di bawah.

Jadual 3 menunjukkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah bagi kategori meneroka bukti berdasarkan kekuatan min. Item-item vi, v, i, ii, vii, iv, iii dan viii berada pada tahap tinggi. Tiada item yang berada pada skor min tahap sederhana dan tahap rendah. Daripada keseluruhan item tersebut menunjukkan item sebab berlakunya sesuatu peristiwa dijelaskan oleh guru kepada pelajar mempunyai skor min yang paling tinggi (3.64) dan item guru menyatakan kepada pelajar tentang peristiwa sejarah yang akan dipelajari sebelum memulakan pengajaran mempunyai skor min yang paling rendah (2.98).

Dapatkan kajian menunjukkan bagi kategori meneroka bukti, pengajaran guru-guru sejarah telah melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan skor min yang kesemuanya berada pada tahap tinggi.

Tahap pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat interpretasi dalam pengajaran guru-guru sejarah dapat diukur dengan menggunakan skor min seperti Jadual 4 di bawah.

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS      UNIVERSITI PENGETAHUAN DAN KEMAJUAN

**Jadual 3:** Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru- guru Sejarah Kategori Meneroka Bukti Berdasarkan Kekuatan Min

<b>Item</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Tahap</b>
vi. Sebab berlakunya sesuatu peristiwa dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	3.64	Tinggi
v. Tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.	3.62	Tinggi
i. Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama.	3.57	Tinggi
ii. Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber kedua.	3.49	Tinggi
vii. Lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.	3.48	Tinggi
iv. Tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	3.46	Tinggi
iii. Perbandingan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	3.40	Tinggi
viii. Guru menyatakan kepada pelajar tentang peristiwa sejarah yang akan dipelajari sebelum memulakan pengajaran.	2.98	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah bagi kategori membuat interpretasi berdasarkan kekuatan min. Item-item vi, ii, iv, iii dan v berada pada tahap tinggi dan item i berada pada tahap sederhana. Tiada item yang berada pada skor min tahap rendah. Daripada keseluruhan item tersebut menunjukkan item guru membuat rumusan daripada bukti-bukti sejarah mempunyai skor min yang paling tinggi (3.08) dan item guru membantu pelajar membuat interpretasi daripada garis masa mempunyai skor min yang paling rendah (2.53).

Dapatkan kajian menunjukkan bagi kategori membuat interpretasi, pengajaran guru-guru sejarah telah melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan skor min yang berada pada tahap tinggi dan sederhana.

Tahap pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat rasionalisasi dalam pengajaran guru-guru sejarah dapat diukur dengan menggunakan skor min seperti Jadual 5 di bawah.

Jadual 5 menunjukkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah dalam pengajaran guru-guru sejarah bagi kategori membuat rasionalisasi berdasarkan kekuatan min. Item-item i, iii, ii, iv, v dan vi berada pada tahap tinggi. Tiada item yang berada pada skor min tahap sederhana dan tahap rendah. Daripada keseluruhan item tersebut menunjukkan item guru menjelaskan kepada pelajar tentang sebab-sebab sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku mempunyai skor min

**Jadual 4:** Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah Kategori Membuat Interpretasi Berdasarkan Kekuatan Min

Item	Skor Min	Tahap
vi. Guru membuat rumusan daripada bukti-bukti sejarah.	3.08	Tinggi
ii. Guru menerangkan perubahan dan kesinambungan peristiwa-peristiwa sejarah dalam urutan masa.	3.02	Tinggi
iv. Guru membuat interpretasi terhadap sumber pertama dan sumber sekunder.	2.92	Tinggi
iii. Guru membuat perbandingan secara periodisasi terhadap peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku.	2.88	Tinggi
v. Guru membuat ramalan, jangkaan atau hipotesis daripada bukti-bukti sejarah.	2.81	Tinggi
i. Guru membantu pelajar membuat interpretasi daripada garis masa.	2.53	Sederhana

yang paling tinggi (3.61) dan item guru menjelaskan kepada pelajar agar menggunakan peristiwa-peristiwa sejarah tertentu sebagai panduan dalam membuat sesuatu tindakan mempunyai skor min yang paling rendah (2.92).

Dapatkan kajian menunjukkan bagi kategori membuat rasionalisasi, pengajaran guru-guru sejarah telah melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah berdasarkan skor min yang kesemuanya berada pada tahap tinggi.

**Jadual 5:** Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah Kategori Membuat Rasionalisasi Berdasarkan Kekuatan Min

Item	Skor Min	Tahap
i. Guru menjelaskan kepada pelajar tentang sebab-sebab sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku.	3.61	Tinggi
iii. Kesan dan akibat sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	3.58	Tinggi
ii. Guru menjelaskan kepada pelajar tentang perubahan dan kesinambungan peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku.	3.40	Tinggi
iv. Guru menjelaskan kepada pelajar persamaan antara peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku.	3.28	Tinggi
v. Perbezaan antara peristiwa-peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	3.09	Tinggi
vi. Guru menjelaskan kepada pelajar agar menggunakan peristiwa-peristiwa sejarah tertentu sebagai panduan dalam membuat sesuatu tindakan.	2.92	Tinggi

## Soalan Kajian 2

**Kategori kemahiran pemikiran sejarah yang manakah yang selalu dilaksanakan oleh guru-guru Sejarah dalam pengajaran mata pelajaran Sejarah?**

Bagi menjawab soalan kajian ini, perbandingan frekuensi dan peratusan dibuat berkaitan kemahiran pemikiran sejarah dengan merujuk pernyataan ‘selalu’ bagi setiap kategori kemahiran pemikiran sejarah. Frekuensi dan peratusan ini diperolehi dengan mencari purata jumlah frekuensi dan peratusan pernyataan ‘selalu’ bagi setiap item dalam setiap kategori kemahiran pemikiran sejarah. Hasilnya dapat dilihat dalam Jadual 6 di bawah.

**Jadual 6:** Perbandingan Penekanan Kemahiran Pemikiran Sejarah dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah Mengikut Kategori

Kategori	Item	% Pernyataan Selalu	Purata (%)
Kategori Memahami Kronologi	i. Peristiwa-peristiwa sejarah yang disampaikan oleh guru adalah mengikut urutan sesuatu peristiwa itu berlaku. ii. Guru menyatakan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu. iii. Guru menyatakan tempoh masa berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu. iv. Guru melabelkan sesuatu peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya, contoh, Zaman Darurat. v. Guru menyebut sesuatu tarikh dan meminta pelajar menyatakan peristiwa yang berlaku pada tarikh berkenaan. vi. Guru menggunakan istilah-istilah seperti awal, periengahan dan akhir untuk merujuk sesuatu tempoh masa, contoh, awal abad ke-20.	63.3 59.3 49.7 17.0 27.3 60.0	46.1
Kategori Membuat Imajinasi	i. Guru meminta pelajar menyatakan perasaan mereka terhadap sesuatu peristiwa sejarah, contoh, peristiwa pembunuhan Tok Janggu. ii. Guru menggunakan gambar-gambar peristiwa sejarah bagi membantu pelajar lebih memahami sesuatu topik yang dipelajari. iii. Guru meminta pelajar membuat penilaian terhadap sesuatu peristiwa sejarah. iv. Guru meminta beberapa orang pelajar memainkan peranan watak-watak tertentu dalam sejarah.	12.3 27.0 30.3 4.7	18.6

Kategori	Item	% Pernyataan Selalu	Purata (%)
Kategori Meneroka Bukti	i. Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama. ii. Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber sekunder. iii. Perbezaan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar. iv. Tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar. v. Tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar. vi. Sebab berlakunya sesuatu peristiwa dijelaskan oleh guru kepada pelajar. vii. Lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa dinyatakan oleh guru kepada pelajar. viii. Guru menyatakan peristiwa sejarah yang akan dipelajari kepada pelajar sebelum memulakan pengajaran.	70.7 68.3 64.7 69.0 78.3 78.0 67.7 42.3	67.4
Kategori Membuat Interpretasi	i. Guru membantu pelajar membuat interpretasi daripada garis masa. ii. Guru menerangkan perubahan dan kesinambungan peristiwa-peristiwa sejarah dalam urutan masa. iii. Guru membuat perbandingan secara periodisasi terhadap peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku. iv. Guru membuat interpretasi terhadap sumber pertama dan sumber sekunder. v. Guru membuat ramalan, jangkaan atau hipotesis daripada bukti-bukti sejarah. vi. Guru membuat rumusan daripada bukti-bukti sejarah.	21.7 43.0 32.7 32.7 36.7 50.7	36.3
Kategori Membuat Rasionalisasi	i. Guru menjelaskan kepada pelajar sebab-sebab sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku ii. Guru menjelaskan perubahan dan kesinambungan peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku kepada pelajar. iii. Kesan dan akibat sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar. iv. Guru menjelaskan persamaan antara peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku kepada pelajar. v. Perbezaan antara peristiwa-peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar. vi. Guru memberi penjelasan kepada pelajar agar menggunakan peristiwa-peristiwa sejarah tertentu sebagai panduan dalam membuat sesuatu tindakan.	77.7 61.7 75.7 53.3 46.3 39.0	59.0

Jadual 6 menunjukkan 67.4% pelajar menyatakan guru selalu melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah bagi kategori meneroka bukti, diikuti 59.0% bagi kategori membuat rasionalisasi, 46.1% bagi kategori memahami kronologi, 36.3% bagi kategori membuat interpretasi dan 18.6% bagi kategori membuat imaginasi.

Perangkaan tersebut menunjukkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah yang tertinggi ialah kategori meneroka bukti (67.4%) dan terendah pula ialah kategori membuat imaginasi (18.6%). Perangkaan juga menunjukkan bahawa guru melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah bagi setiap kategori kemahiran pemikiran sejarah yang dinyatakan dalam kajian ini. Namun begitu, penekanan yang diberikan adalah berbeza antara satu kategori dengan kategori yang lain seperti yang dapat dilihat dalam analisis di atas.

### **Soalan Kajian 3**

**Adakah terdapat hubungan yang signifikan antara pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti dalam pengajaran guru-guru sejarah mengikut lokasi sekolah?**

Bagi menjawab soalan kajian ini, kaedah cross tabulation dan Chi-square Likelihood Ratio digunakan untuk menganalisis hubungan antara variabel. Tahap signifikan yang ditetapkan ialah pada aras 0.05 ( $p < 0.05$ ). Bagi melihat korelasi antara dua variabel, nilai Somers' d digunakan pada aras  $p < 0.05$ .

- i. *Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama.*

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 4.789, df = 3 dan  $p = 0.188$  dalam Jadual 7 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama. Nilai Somers' d = 0.053 dan  $p = 0.338$  menunjukkan tidak ada korelasi di antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama. Perangkaan ini menunjukkan lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar tidak mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama.

- ii. *Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber sekunder.*

**Jadual 7: Hubungan Antara Lokasi Sekolah dengan Pelaksanaan Kemahiran Pemikiran Sejarah Kategori Meneroka Bukti dalam Pengajaran Guru-guru Sejarah**

Item		Lokasi			Korelasi
		Bandar	Luar Bandar	Jumlah	
i. Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama.	Tidak Pernah	1.3% (2)	1.3% (2)	1.3% (4)	<u>Likelihood Ratio</u> $= 4.789$
	Kadang-kadang	9.3% (14)	12.0% (18)	10.7% (32)	$df = 3$
	Tidak Pasti	22.0% (33)	12.7% (19)	17.3% (52)	$p = 0.188$
	Selalu	67.3% (101)	74.0% (111)	70.7% (212)	<u>Somers' d</u> $= 0.053$
ii. Dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber sekunder.	Jumlah	100.0% (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	$p = 0.338$
iii. Perbandingan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	Tidak Pernah	2.0% (3)	4.0% (6)	3.0% (9)	<u>Likelihood Ratio</u> $= 1.635$
	Kadang-kadang	13.3% (20)	14.0% (21)	13.7% (41)	$df = 3$
	Tidak Pasti	16.7% (25)	13.3% (20)	15.0% (45)	<u>Somers' d</u>
	Selalu	68.0% (102)	68.7% (103)	68.3% (205)	$p = -0.005$
iv. Tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	Jumlah	100.0% (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	$p = 0.921$
v. Kemahiran pemikiran sejarah yang dimaksudkan oleh guru kepada pelajar.	Tidak Pernah	2.7% (4)	6.0% (9)	4.3% (13)	<u>Likelihood Ratio</u> $= 3.901$
	Kadang-kadang	14.0% (21)	18.0% (27)	16.0% (48)	$df = 3$
	Tidak Pasti	17.3% (26)	12.7% (19)	15.0% (45)	<u>Somers' d</u>
	Selalu	66.0% (99)	63.3% (95)	64.7% (194)	$p = -0.049$
vi. Kemahiran pemikiran sejarah yang dimaksudkan oleh guru kepada pelajar.	Jumlah	100.0% (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	$p = 0.370$
vii. Kemahiran pemikiran sejarah yang dimaksudkan oleh guru kepada pelajar.	Tidak Pernah	0% (0)	2.7% (4)	1.3% (4)	<u>Likelihood Ratio</u> $= 7.160$
	Kadang-kadang	18.0% (27)	22.7% (34)	20.3% (61)	$df = 3$
	Tidak Pasti	10.7% (16)	8.0% (12)	9.3% (28)	<u>Somers' d</u>
	Selalu	71.3% (107)	66.7% (100)	69.0% (207)	$p = -0.066$
viii. Kemahiran pemikiran sejarah yang dimaksudkan oleh guru kepada pelajar.	Jumlah	100.0% (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	$p = 0.236$

**Sambungan Jadual 7**

Item		Lokasi			Korelasi
		Bandar	Luar Bandar	Jumlah	
v.	Tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.	Tidak Pernah (0)	5.3% (8)	2.7% (8)	<u>Likelihood Ratio</u> = 14.840
		Kadang-kadang (12)	12.7% (19)	10.3% (31)	df = 3
		Tidak Pasti (11)	10.0% (15)	8.7% (26)	p = 0.002
		Selalu. (127)	72.0% (108)	78.3% (235)	<u>Somers' d</u> = -0.157
		Jumlah (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	p = 0.004
vi.	Sebab berlakunya sesuatu peristiwa dijelaskan oleh guru kepada pelajar.	Tidak Pernah (2)	0.7% (1)	1.0% (3)	<u>Likelihood Ratio</u> = 4.459
		Kadang-kadang (16)	13.3% (20)	12.0% (36)	df = 3
		Tidak Pasti (9)	12.0% (18)	9.0% (27)	p = 0.216
		Selalu (123)	74.0% (111)	78.0% (234)	<u>Somers' d</u> = -0.084
		Jumlah (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	p = 0.129
vii.	Lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.	Tidak Pernah (2)	0% (0)	0.7% (2)	<u>Likelihood Ratio</u> = 6.110
		Kadang-kadang (24)	20.7% (31)	18.3% (55)	df = 3
		Tidak Pasti (16)	16.0% (24)	13.3% (40)	p = 0.106
		Selalu (108)	63.3% (95)	67.7% (203)	<u>Somers' d</u> = -0.079
		Jumlah (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	p = 0.154
viii.	Guru menyatakan peristiwa sejarah yang akan dipelajari kepada pelajar sebelum memulakan pengajaran	Tidak Pernah (7)	5.3% (8)	5.0% (15)	<u>Likelihood Ratio</u> = 2.508
		Kadang-kadang (46)	38.7% (58)	34.7% (104)	df = 3
		Tidak Pasti (30)	16.0% (24)	18.0% (54)	p = 0.474
		Selalu (67)	40.0% (60)	42.3% (127)	<u>Somers' d</u> = -0.066
		Jumlah (150)	100.0% (150)	100.0% (300)	p = 0.220

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 1.635, df = 3 dan p = 0.658 dalam Jadual 7 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber sekunder. Nilai Somers' d = -0.005 dan p = 0.921 menunjukkan tidak ada korelasi antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber sekunder. Perangkaan ini menunjukkan lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar tidak mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber sekunder.

- iii. *Perbezaan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar.*

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 3.901, df = 3 dan p = 0.272 dalam Jadual 7 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item perbezaan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar. Nilai Somers' d = -0.049 dan p = 0.370 menunjukkan tidak ada korelasi di antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item perbezaan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar. Perangkaan ini menunjukkan lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar tidak mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item perbezaan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar.

- iv. *Tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.*

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 7.160, df = 3 dan p = 0.067 dalam Jadual 7 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar. Nilai Somers' d = -0.066 dan p = 0.236 menunjukkan tidak ada korelasi di antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.

kategori meneroka bukti bagi item tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.

- v. *Tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.*

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 14.840, df = 3 dan p = 0.002 dalam Jadual 7 menunjukkan adanya hubungan yang signifikan di antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar. Nilai Somers' d = -0.157 dan p = 0.004 menunjukkan adanya korelasi di antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar. Perangkaan ini menunjukkan lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.

- vi. *Sebab berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.*

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 4.459, df = 3 dan p = 0.216 dalam Jadual 7 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item sebab berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar. Nilai Somers' d = -0.084 dan p = 0.129 menunjukkan tidak ada korelasi antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item sebab berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar. Perangkaan ini menunjukkan lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar tidak mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item sebab berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar.

- vii. *Lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.*

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 6.110, df = 3 dan p = 0.106 dalam Jadual 7 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa

sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar. Nilai Somers'  $d = -0.079$  dan  $p = 0.154$  menunjukkan tidak ada korelasi antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar. Perangkaan ini menunjukkan lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar tidak mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar.

viii. *Guru menyatakan peristiwa sejarah yang akan dipelajari kepada pelajar sebelum memulakan pengajaran.*

Berdasarkan nilai Chi-Square Likelihood Ratio = 2.508, df = 3 dan p = 0.474 dalam jadual 7 menunjukkan tidak ada hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item guru menyatakan peristiwa sejarah yang akan dipelajari kepada pelajar sebelum memulakan pengajaran. Nilai Somers'  $d = -0.066$  dan  $p = 0.220$  menunjukkan tidak ada korelasi antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item guru menyatakan peristiwa sejarah yang akan dipelajari kepada pelajar sebelum memulakan pengajaran. Perangkaan ini menunjukkan lokasi sekolah sama ada di bandar atau luar bandar tidak mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi item guru menyatakan kepada pelajar tentang peristiwa sejarah yang akan dipelajari sebelum memulakan pengajaran.

## Perbincangan dan Cadangan

Berdasarkan skor min, terdapat empat item dalam kemahiran pemikiran sejarah kategori memahami kronologi berada pada tahap tinggi. Item-item tersebut ialah peristiwa-peristiwa sejarah yang disampaikan oleh guru adalah mengikut urutan sesuatu peristiwa itu berlaku; guru menggunakan istilah-istilah seperti awal, pertengahan dan akhir untuk merujuk sesuatu tempoh masa, contoh, awal abad ke-20; guru menyatakan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu dan item guru menyatakan tempoh masa berlakunya sesuatu peristiwa sejarah itu. Berdasarkan skor min juga, dua item lain dalam kemahiran pemikiran sejarah kategori memahami kronologi berada pada tahap sederhana. Item-item tersebut ialah guru menyebut sesuatu tarikh dan meminta pelajar menyatakan peristiwa yang berlaku pada tarikh berkenaan dan item guru melabelkan sesuatu peristiwa mengikut zaman tanpa menyatakan tahunnya, contoh, Zaman Darurat.

Adalah dicadangkan agar guru-guru yang mengajar mata pelajaran sejarah dapat mengekalkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori

memahami kronologi bagi item-item yang mempunyai skor min yang tinggi ini dan mempertingkatkan pula usaha-usaha dalam melaksanakan item-item yang mempunyai skor min yang sederhana. Usaha-usaha ini penting bagi membolehkan pelajar benar-benar dapat menguasai kemahiran pemikiran sejarah kategori memahami kronologi ini.

Bagi kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat imaginasi, skor min menunjukkan kesemua item berada pada tahap sederhana. Item-item tersebut ialah guru meminta pelajar membuat penilaian terhadap sesuatu peristiwa sejarah; guru menggunakan gambar-gambar peristiwa sejarah bagi membantu pelajar lebih memahami sesuatu topik yang dipelajari; guru meminta pelajar menyatakan perasan mereka terhadap sesuatu peristiwa sejarah, contoh, peristiwa pembunuhan Tok Janggut dan item guru meminta beberapa orang pelajar memainkan peranan watak-watak tertentu dalam sejarah.

Oleh kerana kesemua item dalam kategori ini berada pada skor min tahap sederhana, maka dicadangkan agar guru-guru dapat mempertingkatkan lagi usaha-usaha pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat imaginasi ini dalam pengajaran sejarah. Ini bertujuan membolehkan pelajar benar-benar menguasai kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat imaginasi dan lebih menghayati setiap topik yang dipelajari.

Kesemua item kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti berada pada skor min tahap tinggi. Item-item tersebut ialah dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber pertama; dari awal lagi, guru telah menjelaskan apa yang dimaksudkan dengan sumber sekunder; perbezaan antara sumber pertama dan sumber sekunder dijelaskan oleh guru kepada pelajar; tarikh berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar; tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar; sebab berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar; lokasi atau tempat berlakunya sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar dan guru menyatakan kepada pelajar tentang peristiwa sejarah yang akan dipelajari sebelum memulakan pengajaran.

Oleh itu, adalah dicadangkan agar guru-guru dapat mengekalkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti ini bagi membolehkan pelajar terus menguasai kemahiran ini. Sesungguhnya, mengenal pasti sumber, tarikh, tokoh, tempat dan sebagainya itu adalah penting dalam sejarah dan pelajar perlu dibimbing untuk menguasai kemahiran ini.

Terdapat lima item dalam kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat interpretasi berada pada skor min tahap tinggi. Item-item tersebut ialah guru membuat rumusan daripada bukti-bukti sejarah; guru menerangkan perubahan dan kesinambungan peristiwa-peristiwa sejarah dalam urutan masa; guru membuat interpretasi terhadap sumber pertama dan sumber sekunder; guru membuat perbandingan secara periodisasi terhadap peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku dan guru membuat ramalan, jangkaan atau hipotesis daripada bukti-bukti sejarah.

Berdasarkan skor min juga, satu lagi item berada pada skor min tahap sederhana, iaitu guru membantu pelajar membuat interpretasi daripada garis masa.

Oleh itu, adalah dicadangkan agar guru terus menumpukan perhatian untuk melaksanakan kemahiran-kemahiran yang terdapat dalam kategori ini terutama bagi item-item yang berada pada skor min tahap tinggi kerana sejarah bukanlah sekadar memberikan fakta dan maklumat kepada pelajar sahaja tetapi juga membuat interpretasi daripada fakta dan maklumat tersebut. Bagi item yang berada pada skor min tahap sederhana, dicadangkan agar guru-guru dapat mempertingkatkan usaha-usaha untuk melaksanakan kemahiran tersebut dalam pengajaran sejarah.

Bagi kategori membuat rasionalisasi, kesemua item kemahiran pemikiran sejarah kategori ini berada pada skor min tahap tinggi. Item-item tersebut ialah guru menjelaskan kepada pelajar tentang sebab-sebab sesuatu peristiwa sejarah itu berlaku; kesan dan akibat sesuatu peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar; guru menjelaskan kepada pelajar tentang perubahan dan kesinambungan peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku; guru menjelaskan kepada pelajar persamaan antara peristiwa-peristiwa sejarah yang berlaku; perbezaan antara peristiwa-peristiwa sejarah dijelaskan oleh guru kepada pelajar dan guru menjelaskan kepada pelajar agar menggunakan peristiwa-peristiwa sejarah tertentu sebagai panduan dalam membuat sesuatu tindakan.

Oleh itu, dicadangkan agar guru-guru dapat mengekalkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori membuat rasionalisasi ini bagi membolehkan pelajar terus menguasai kemahiran ini. Ini kerana sebab, kesan, akibat dan sebagainya bagi sesuatu peristiwa sejarah itu sememangnya penting dalam sejarah dan kemahiran ini perlu dikuasai oleh pelajar dengan bimbingan guru.

Berdasarkan skor min, dapatan kajian menunjukkan kesemua item dalam semua kategori kemahiran pemikiran sejarah berada pada skor min tahap tinggi dan skor min tahap sederhana. Tiada sebarang item yang berada pada skor min tahap rendah. Ini menunjukkan bahawa guru-guru memang melaksanakan kemahiran pemikiran sejarah ini bagi kesemua item tetapi pada tahap yang berbeza. Oleh itu, dicadangkan guru-guru dapat terus mengekalkan dan mempertingkatkan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah ini dalam pengajaran sejarah.

Dari segi kategori kemahiran pemikiran sejarah yang selalu dilaksanakan oleh guru dalam pengajaran sejarah, didapati tahapnya adalah berbeza. Kategori meneroka bukti yang mempunyai purata peratus pernyataan selalu 67.4% misalnya menduduki kedudukan tertinggi dari segi pelaksanaannya dalam pengajaran sejarah, diikuti 59.0% kategori membuat rasionalisasi, 46.1% kategori memahami kronologi, 36.3% kategori membuat interpretasi dan 18.6% kategori membuat imaginasi. Dapatan ini menunjukkan bahawa walaupun kemahiran pemikiran sejarah itu dilaksanakan dalam pengajaran sejarah bagi semua kategori, namun terdapat kategori-kategori tertentu yang pelaksanaannya boleh

dipertingkatkan lagi oleh guru yang mengajar di samping mengekalkan pelaksanaannya bagi kategori-kategori yang berada pada tahap pelaksanaan yang tinggi. Kategori membuat interpretasi dan kategori membuat imaginasi misalnya perlu dipertingkatkan lagi pelaksanaannya bagi membolehkan pelajar menguasai kedua-dua kemahiran ini.

Dari segi hubungan lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah, hanya satu kategori yang dilihat dalam kajian ini, iaitu kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti (iaitu kategori kemahiran pemikiran sejarah yang mempunyai purata peratus pernyataan selalu yang paling tinggi). Dapatkan kajian menunjukkan bahawa tidak terdapat hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah sama ada sekolah yang terletak di bandar atau di luar bandar dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi tujuh item dalam kategori ini. Ini bererti lokasi sekolah tidak mempengaruhi pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah kategori meneroka bukti bagi ketujuh-tujuh item tersebut. Hanya satu item dalam kategori ini, iaitu tokoh yang terlibat dalam sesuatu peristiwa sejarah dinyatakan oleh guru kepada pelajar menunjukkan adanya hubungan yang signifikan antara lokasi sekolah dengan pelaksanaan kemahiran pemikiran sejarah.

### Rumusan

Kajian ini menunjukkan bahawa kemahiran pemikiran sejarah dilaksanakan oleh guru-guru Sejarah tetapi pada tahap yang berbeza. Terdapat kategori kemahiran pemikiran sejarah tertentu yang walaupun dilaksanakan tetapi perlu dipertingkatkan lagi oleh guru yang mengajar. Dari segi hubungan kemahiran pemikiran sejarah dengan variabel-variabel lain, kajian ini hanya terhad kepada lokasi sekolah sahaja sebagai pemboleh ubah bebas. Perlu juga dilihat peranan pemboleh-pemboleh ubah bebas yang lain seperti pencapaian mata pelajaran sejarah dalam peperiksaan, jantina pelajar, bangsa pelajar, tahap pendidikan guru, guru yang mengajar sama ada guru yang opsyen sejarah atau tidak dan sebagainya. Kesemua ini mungkin boleh dilihat dalam satu kajian yang lain.

### Rujukan

Ab Rahim Abd. Rashid, 1997. Penerapan Patriotisma dan Wawasan dalam Kurikulum Pendidikan Sejarah. Kertas kerja dibentangkan di Kursus *Penataran Sejarah KBSM untuk Guru Sumber Sejarah*, Air Keroh, Melaka, 10 - 14 Mac.

Babbie, E., 1983. *The Practice of Social Research*, 3 ed. Belmont, California: Wadsworth Publishing Co.

Booth, M. B., 1980. A Modern World History Course and the Thinking of Adolescent Pupils. *Educational Review*. 32(3) : 245-257.

Downey, M. T. and Levstik, L. S., 1991. Teaching and Learning History In Shaver, J. P. (ed) (1991). *Handbook of Research on Social-Studies Teaching and Learning: A Project of the National Council for the Social Studies*. New York: Macmillan.

Eggen, P. D. and Kauchak, D. P., 1988. *Strategies For Teachers: Teaching Content and Thinking Skills*. New Jersey: Prentice Hall.

Hudgins, B. B. Edelman, S., 1988. Children's Self-Directed Critical Thinking. *Journal of Educational Research*, 81, 261 - 273.

Hugo, J. L., 1989. *Evaluation Study of Thinking Skills Program For Teachers and Students*.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 1988. *Sukatan Pelajaran Sejarah*. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.

Kementerian Pendidikan Malaysia, 2003. *Sukatan Pelajaran KBSM Sejarah (Semakan)*, Pusat Perkembangan Kurikulum. Dewan Bahasa dan Pustaka.

Leinhardt, G., Beck, I. L. and Stainton, C., 1994. *Teaching and Learning in History*. Hillsdale: NJ Erlbaum Publishing.

Link, F., 1985. *Essays on the Intellect*. Alexandaria, Virginia. Association for Supervision and Curriculum Development.

Maxim, G. W., 1995. *Social Studies and The Elementary School Child*. New Jersey : Prentice-Hall, Inc.

Mohd. Majid Konting, 1990. *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Nickerson, R., Perkins, D. and Smith, E., 1985. *The Teaching of Thinking*, Hillsdale, N.J.Erlbaum Associates Publishers.

Phillips, J. A., 1992. Memperkembangkan Daya Pemikiran Pelajar Melalui Mata Pelajaran KBSM. *Jurnal Pendidikan Guru*, 9, 1- 15.

Rouet, J. F., Mason, R. A., Perfetti, C. A., 7 Britt, M. A., 1996. Using Multiple Sources of Evidence to Learn About History. *Journal of Educational Psychology*. 88: (3): 478-493.

Shemilt, D., 1980. *Evaluation Study: School Council History 13 - 16 Project*. Edinburgh: Holmes McDougall.

Zaccaria, M. A., 1978. The Development of Historical Thinking: Implication for the Teaching of History. *The History Teacher*. 11(3) : 323-340.